# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

3 APRIL 2024 (RABU)

Bekalan Ayam, Daging di Perak Mencukupi

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Sinar Harian | Negeri | 28 | 3 April |

# Bekalan ayam, daging di Perak mencukupi

## Tiada laporan diterima berkaitan kekurangan barangan asas berkenaan

Oleh NORMAWATI ADNAN
IPOH




Mohd Zolkafly (tiga dari kanan) bersama Tina (empat dari kanan) mengacau bubur lambuk sempena program agihan bubur lambuk anjuran TT Group bersama gabungan 10 NGO di Ipoh pada Selasa.

Bekalan keperluan asas seperti ayam dan daging mencukupi bagi menyambut Aidilfitri di negeri ini, kata Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Datuk Mohd Zolkafly Harun.

Menurutnya, ketika ini bekalan stabil dan tiada laporan diterima berkaitan kekurangan barangan berkenaan.

"Tidak timbul masalah setakat ini. Sama ada bekalan daging, ayam, minyak, telur dan beras, semuanya telah dipantau dan mencukupi untuk hari raya ini.

"Jadi orang ramai termasuk yang bukan Islam tidak perlu bimbang. Di pihak kerajaan negeri, saya bersama agensi berkaitan berikan jaminan dalam perkara ini," katanya kepada pemberita ketika program agihan bubur lambuk anjuran TT Group bersama gabungan 10 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Taj International College di sini pada Selasa.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif Taj International College (TIC), Tina Tajuddin.

Dalam majlis itu, sebanyak 1,000 pek bubur lambuk diedarkan ke 10 lokasi tumpuan orang ramai sekitar Ipoh.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan mengadakan jualan Agro Madani pra Syawal di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Perak di Gopeng pada 5 April ini.

Katanya, jualan fokus kepada keperluan asas bagi menyambut Aidilfitri seperti beras, kentang, bawang, aneka biskut raya dan kerepek pada harga berpatutan.

Tambahnya, ia disusuli dengan jualan khas Aidilfitri di Lenggong pada 7 April yang turut menjual hampir 2,500 ekor ayam pada harga RM10.

faq
KUMPULAN karangkraf

| Malaysia Bebas Penyakit Anthrax - DVS | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| My Metro | Mutakhir | Online | 2 April |



Gambar hiasan

Putrajaya: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini mengesahkan tiada sebarang laporan penyakit anthrax di Malaysia ketika ini meskipun penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

Menerusi kenyataan hari ini, DVS memaklumkan Malaysia bebas daripada penyakit anthrax semenjak kes terakhir dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada 1976.

Penyakit anthrax ini disebabkan bakteria Bacillus anthracis dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut.

"Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria Bacillus anthracis. Penyakit ini boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan," menurut kenyataan itu.

Menurut DVS antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut, demam yang

tinggi, lemah, moyok, lesu, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan, terutamanya di kawasan leher, muntah dan cirit-birit.

"Dalam sesetengah kes, darah keluar dari hidung, mulut, atau dubur ternakan. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut," menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DVS memaklumkan pihaknya memandang serius wabak disyaki penyakit anthrax yang dilaporkan media berlaku di selatan wilayah Champasack, Laos, Selasa lepas.

Melalui perbincangan ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Laos hari ini, pihak berkuasa Laos mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif anthrax melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan, menurut kenyataan itu.

Sebagai langkah berjaga-jaga, DVS memaklumkan pihaknya sentiasa menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan demi memastikan negara sentiasa bebas daripada anthrax.

Antara langkah pencegahan diambil adalah memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak anthrax dan meminta agar pemeriksaan penyakit anthrax dikenakan ke atas semua ternakan Thailand masuk ke Malaysia.

Selain itu, DVS meneruskan aktiviti pemantauan klinikal ke atas ternakan ruminan di negara ini melalui Program Survelan Kebangsaan untuk mengesan penyakit anthrax seawal mungkin.

Garis panduan pemeriksaan penyakit anthrax turut disediakan kepada pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di pintu-pintu masuk negara dan menyediakan risalah penyakit anthrax untuk edaran umum, menurut kenyataan itu.

DVS menasihati para penternak untuk meningkatkan tahap biosekuriti ladang terutamanya menjelang musim perayaan yang akan datang.

"Setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang, perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pergerakan ternakan yang sah," menurut kenyataan itu.-MYMETRO

Tiada Kes Anthrax Di Malaysia

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Kosmo! Online | Negara | Online | 2 April |



Gambar hiasan

PETALING JAYA – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan Malaysia bebas daripada penyakit anthrax semenjak kes terakhir yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976.

JPV melalui satu kenyataan berkata, sehingga kini, tiada sebarang laporan berkenaan penyakit anthrax di negara ini namun begitu, penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, JPV telah, sedang dan akan terus menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan demi memastikan negara sentiasa bebas daripada anthrax antaranya memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak itu dan meminta agar pemeriksaan penyakit anthrax dikenakan ke atas semua ternakan Thailand ke Malaysia.

"Meneruskan aktiviti pemantauan klinikal ke atas ternakan ruminan di negara ini melalui Program Survelan Kebangsaan untuk

mengesan penyakit anthrax seawal yang mungkin.

“Meningkatkan tahap kesiapsiagaan JPV terhadap penyakit anthrax di semua peringkat termasuk JPV negeri, makmal veterinar dan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI), melalui persediaan kelengkapan logistik, proses kerja menghadapi wabak penyakit anthrax dan mengemas kini maklumat berkenaan anthrax,” jelas kenyataan tersebut hari ini.

Antara langkah lain yang dijalankan JPV termasuk, menyediakan garis panduan pemeriksaan penyakit anthrax kepada pegawai MAQIS di pintu-pintu masuk negara untuk memastikan penguatkuasaan teknikal dapat dijalankan dengan lebih efisien dan efektif khususnya ke atas ternakan import dari Thailand.

Langkah terakhir adalah, menyediakan risalah penyakit anthrax untuk edaran umum sebagai panduan mencegah daripada dijangkiti anthrax.

“JPV ingin menasihati para penternak untuk meningkatkan tahap biosekuriti ladang terutamanya menjelang musim perayaan, setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pergerakan ternakan yang sah.

“JPV juga menegaskan agar penternak sentiasa berhati-hati dengan sebarang kemasukan ternakan yang tidak mempunyai permit pergerakan yang sah terutamanya ternakan yang dibawa masuk dari negara jiran,” jelas kenyataan tersebut.

Tambah kenyataan itu lagi, semua pihak khususnya penternak adalah dipohon untuk sentiasa mengambil perhatian terhadap perkembangan semasa kejadian penyakit haiwan dan melaporkan segera kepada JPV negeri berhampiran atau hotline 03-8870 2041 sekiranya mengesan sebarang tanda klinikal pada haiwan ternakan masing-masing.

Terdahulu, penyakit anthrax ini disebabkan oleh bakteria Bacillus anthracis dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut.

Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak

langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria Bacillus anthracis.– KOSMO! ONLINE.

Malaysia Bebas Anthrax, DSV Tetap Waspada Risiko Ternakan Import Terutama Dari Thailand

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Majoriti | Primer | Online | 2 April |




Jabatan Perkhidmatan Veterinar memaklumkan sehingga kini tiada sebarang laporan berkenaan penyakit anthrax di negara ini. — Agensi

MALAYSIA bebas daripada penyakit anthrax semenjak kes terakhir yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam satu kenyataan memaklumkan sehingga kini, tiada sebarang laporan berkenaan penyakit anthrax di negara ini.

"Melalui perbincangan ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR yang diselaraskan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2 April 2024, pihak berkuasa Lao PDR mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif anthrax melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan.

"Namun, sebagai langkah berjaga-jaga, DVS sedang dan akan terus menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan demi memastikan negara sentiasa bebas daripada anthrax.

"DVS juga telah memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak anthrax dan meminta agar

pemeriksaan penyakit anthrax dikenakan ke atas semua ternakan Thailand ke Malaysia," katanya pada Selasa.

Pada masa sama, aktiviti pemantauan klinikal akan diteruskan ke atas ternakan ruminan di negara ini melalui Program Survelan Kebangsaan untuk mengesan penyakit anthrax seawal yang mungkin selain meningkatkan tahap kesiapsiagaan DVS terhadap penyakit anthrax di semua peringkat.

"Satu garis panduan pemeriksaan penyakit anthrax kepada pegawai MAQIS juga akan disediakan di pintu-pintu masuk negara untuk memastikan penguatkuasaan teknikal dapat dijalankan dengan lebih efisien dan efektif khususnya ke atas ternakan import dari Thailand.

"DVS juga menyediakan risalah penyakit anthrax untuk edaran umum sebagai panduan mencegah daripada dijangkiti anthrax," katanya

DVS turut menasihati para penternak untuk meningkatkan tahap biosekuriti ladang terutamanya menjelang musim perayaan yang akan datang.

"Setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang, perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pergerakan ternakan yang sah," katanya.

Tegas DVS lagi, penternak perlu sentiasa mengambil perhatian terhadap perkembangan semasa kejadian penyakit haiwan dan melaporkan segera kepada DVS Negeri berhampiran atau hotline 03-8870 2041 sekiranya mengesan sebarang tanda klinikal pada haiwan ternakan masing-masing.— MAJORITI

# Malaysia Bebas Penyakit Anthrax: Jabatan Perkhidmatan Veterinar

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| TheSun | Cerita | Online | 2 April |



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**
***Department Of Veterinary Services***
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

**SIARAN MEDIA**

**MALAYSIA BEBAS PENYAKIT *ANTHRAX***

**PUTRAJAYA:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius wabak disyaki penyakit *anthrax* yang telah dilaporkan media berlaku di Champasack Province, Lao PDR pada 26 Mac 2024 lalu. Melalui perbincangan *ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR* yang diselaraskan oleh pihak KKM pada 2 April 2024, pihak berkuasa Lao PDR mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif *anthrax* melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan.

Penyakit *anthrax* ini disebabkan oleh bakteria *Bacillus anthracis* dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut. Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria *Bacillus anthracis*. Penyakit ini boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan.

Antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut, demam yang tinggi, lemah, moyok, lesu, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan, terutamanya di kawasan leher, muntah dan cirit-birit. Dalam sesetengah kes, darah keluar dari hidung, mulut, atau dubur ternakan. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut.

Untuk makluman, Malaysia bebas daripada penyakit *anthrax* semenjak kes terakhir yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976. Sehingga kini, tiada sebarang laporan berkenaan penyakit *anthrax* di negara ini. Walau bagaimanapun, penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

Sebagai langkah berjaga-jaga, DVS telah, sedang dan akan terus menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan yang berikut, demi memastikan negara sentiasa bebas daripada *anthrax*;

1. Memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak *anthrax* dan meminta agar pemeriksaan penyakit *anthrax* dikenakan ke atas semua ternakan Thailand ke Malaysia.

Ihsan Gambar: Jabatan Perkhidmatan Veterinar FB

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini mengesahkan tiada sebarang laporan penyakit anthrax di Malaysia ketika ini meskipun penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

Menerusi kenyataan hari ini, DVS memaklumkan Malaysia bebas daripada penyakit anthrax semenjak kes terakhir dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada 1976.

Penyakit anthrax ini disebabkan bakteria Bacillus anthracis dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut.

“Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria Bacillus anthracis. Penyakit ini boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan,” menurut kenyataan itu.

Menurut DVS antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut, demam yang tinggi, lemah, moyok, lesu, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan, terutamanya di kawasan leher, muntah dan cirit-birit.

“Dalam sesetengah kes, darah keluar dari hidung, mulut, atau dubur ternakan. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DVS memaklumkan pihaknya memandang serius wabak disyaki penyakit anthrax yang dilaporkan media berlaku di selatan wilayah Champasack, Laos, Selasa lepas.

Melalui perbincangan ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Laos hari ini, pihak berkuasa Laos mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif anthrax melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan, menurut kenyataan itu.

Sebagai langkah berjaga-jaga, DVS memaklumkan pihaknya sentiasa menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan demi memastikan negara sentiasa bebas daripada anthrax.

Antara langkah pencegahan diambil adalah memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak anthrax dan meminta agar pemeriksaan penyakit anthrax dikenakan ke atas semua ternakan Thailand masuk ke Malaysia.

Selain itu, DVS meneruskan aktiviti pemantauan klinikal ke atas ternakan ruminan di negara ini melalui Program Survelan Kebangsaan untuk mengesan penyakit anthrax seawal mungkin.

Garis panduan pemeriksaan penyakit anthrax turut disediakan kepada pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di pintu-pintu masuk negara dan menyediakan risalah penyakit anthrax untuk edaran umum, menurut kenyataan itu.

DVS menasihati para penternak untuk meningkatkan tahap

biosekuriti ladang terutamanya menjelang musim perayaan yang akan datang.

“Setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang, perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pergerakan ternakan yang sah,” menurut kenyataan itu. -THESUN

| Veterinary Services Dept: No Reports Of Anthrax Disease In Malaysia | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| MalayMail | Malaysia | Online | 2 April |



DVS states that clinical signs of anthrax disease in livestock include sudden death, high fever, weakness, lethargy, difficulty breathing, swelling, especially in the neck, vomiting and diarrhoea. — Picture by Farhan Najib

PUTRAJAYA, April 2 — The Department of Veterinary Services (DVS) today confirmed that currently there are no reports of anthrax disease in Malaysia, despite its prevalence elsewhere globally.

In a statement today, the DVS announced that Malaysia has remained free from anthrax disease since the last reported case to the World Organisation for Animal Health (WOAH) in 1976.

Anthrax disease, caused by the bacterium Bacillus anthracis, is a zoonotic illness, meaning it can infect both animals and humans and can be fatal.

"The disease can infect livestock and humans through direct contact with spores from the Bacillus anthracis bacteria, resulting in a high mortality rate among livestock," the statement read.

DVS states that clinical signs of anthrax disease in livestock include sudden death, high fever, weakness, lethargy, difficulty breathing, swelling, especially in the

neck, vomiting and diarrhoea.

In some cases, livestock may exhibit symptoms such as bleeding from the nose, mouth, or anus. Farmers are urged to promptly report any such signs to the DVS.

Meanwhile, DVS emphasised the seriousness of the reported suspected anthrax outbreak in Champasack Province, Lao PDR, on March 26.

"During discussions in the Asean EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR on April 2, Lao PDR authorities confirmed no positive anthrax cases from laboratory tests on humans or animals," read the statement.

As a precaution, DVS maintains continuous control and prevention efforts to keep the country anthrax-free.

Preventive measures include informing Thai veterinary authorities about Malaysia's concern regarding the anthrax outbreak and requesting anthrax checks on all livestock imported from Thailand.

In addition, DVS continues clinical monitoring of ruminant livestock nationwide through the National Surveillance Programme to detect anthrax early.

Guidelines for anthrax examination are provided to Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) officers at entry points and anthrax brochures are distributed to the public.

DVS advises farmers to enhance farm biosecurity, especially before the upcoming festive season.

"New livestock brought onto the farm must undergo health checks by certified veterinary officers and have valid livestock movement permits," it added. — MALAYMAIL

| Malaysia Bebas Penyakit Anthrax: Jabatan Perkhidmatan Veterinar | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| TheSun | Cerita | Online | 2 April |



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**
*Department Of Veterinary Services*
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4
62630 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000
Faks : 603-8888 6021
E-mel : pro@dvs.gov.my
Laman Web : www.dvs.gov.my

**SIARAN MEDIA**

**MALAYSIA BEBAS PENYAKIT *ANTHRAX***

**PUTRAJAYA:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius wabak disyaki penyakit *anthrax* yang telah dilaporkan media berlaku di Champasack Province, Lao PDR pada 26 Mac 2024 lalu. Melalui perbincangan *ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR* yang diselaraskan oleh pihak KKM pada 2 April 2024, pihak berkuasa Lao PDR mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif *anthrax* melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan.

Penyakit *anthrax* ini disebabkan oleh bakteria *Bacillus anthracis* dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut. Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria *Bacillus anthracis*. Penyakit ini boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan.

Antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut, demam yang tinggi, lemah, moyok, lesu, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan, terutamanya di kawasan leher, muntah dan cirit-birit. Dalam sesetengah kes, darah keluar dari hidung, mulut, atau dubur ternakan. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut.

Untuk makluman, Malaysia bebas daripada penyakit *anthrax* semenjak kes terakhir yang dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada tahun 1976. Sehingga kini, tiada sebarang laporan berkenaan penyakit *anthrax* di negara ini. Walau bagaimanapun, penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

Sebagai langkah berjaga-jaga, DVS telah, sedang dan akan terus menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan yang berikut, demi memastikan negara sentiasa bebas daripada *anthrax*;

1. Memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak *anthrax* dan meminta agar pemeriksaan penyakit *anthrax* dikenakan ke atas semua ternakan Thailand ke Malaysia.

Pix credit: Jabatan Perkhidmatan Veterinar FB

PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services (DVS) today confirmed that currently there are no reports of anthrax disease in Malaysia, despite its prevalence elsewhere globally.

In a statement today, the DVS announced that Malaysia has remained free from anthrax disease since the last reported case to the World Organisation for Animal Health (WOAH) in 1976.

Anthrax disease, caused by the bacterium Bacillus anthracis, is a zoonotic illness, meaning it can infect both animals and humans and can be fatal.

“The disease can infect livestock and humans through direct contact with spores from the Bacillus anthracis bacteria, resulting in a high mortality rate

among livestock," the statement read.

DVS states that clinical signs of anthrax disease in livestock include sudden death, high fever, weakness, lethargy, difficulty breathing, swelling, especially in the neck, vomiting and diarrhea.

In some cases, livestock may exhibit symptoms such as bleeding from the nose, mouth, or anus. Farmers are urged to promptly report any such signs to the DVS.

Meanwhile, DVS emphasised the seriousness of the reported suspected anthrax outbreak in Champasack Province, Lao PDR, on March 26.

"During discussions in the ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR on April 2, Lao PDR authorities confirmed no positive anthrax cases from laboratory tests on humans or animals," read the statement.

As a precaution, DVS maintains continuous control and prevention efforts to keep the country anthrax-free.

Preventive measures include informing Thai veterinary authorities about Malaysia's concern regarding the anthrax outbreak and requesting anthrax checks on all livestock imported from Thailand.

In addition, DVS continues clinical monitoring of ruminant livestock nationwide through the National Surveillance Programme to detect anthrax early.

Guidelines for anthrax examination are provided to Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) officers at entry points and anthrax brochures are distributed to the public.

DVS advises farmers to enhance farm biosecurity, especially before the upcoming festive season.

"New livestock brought onto the farm must undergo health checks by certified veterinary officers and have valid livestock movement permits," it added. -THESUN

| Malaysia Bebas Penyakit Anthrax | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| BuletinTV3 | Nasional | Online | 2 April |



DVS states that clinical signs of anthrax disease in livestock include sudden death, high fever, weakness, lethargy, difficulty breathing, swelling, especially in the neck, vomiting and diarrhoea. — Picture by Farhan Najib

PUTRAJAYA: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) hari ini mengesahkan tiada sebarang laporan penyakit anthrax di Malaysia ketika ini meskipun penyakit berkenaan sentiasa aktif di kebanyakan negara di merata benua.

Menerusi kenyataan hari ini, DVS memaklumkan Malaysia bebas daripada penyakit anthrax semenjak kes terakhir dilaporkan kepada Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH) pada 1976.

Penyakit anthrax ini disebabkan bakteria Bacillus anthracis dan merupakan penyakit zoonotik iaitu penyakit haiwan yang boleh menjangkiti manusia dan boleh membawa maut.

“Penyakit ini boleh menjangkiti ternakan dan manusia melalui kontak langsung dengan spora yang dihasilkan oleh bakteria Bacillus anthracis. Penyakit ini boleh menyebabkan kadar kematian yang tinggi pada haiwan ternakan,” menurut kenyataan itu.

Menurut DVS antara tanda klinikal penyakit ini pada ternakan ialah kematian mengejut, demam yang

tinggi, lemah, moyok, lesu, sukar bernafas, bengkak di kawasan jangkitan, terutamanya di kawasan leher, muntah dan cirit-birit.

“Dalam sesetengah kes, darah keluar dari hidung, mulut, atau dubur ternakan. Para penternak perlulah melaporkan segera kepada DVS sekiranya mengesan sebarang tanda tersebut,” menurut kenyataan itu.

Sementara itu, DVS memaklumkan pihaknya memandang serius wabak disyaki penyakit anthrax yang dilaporkan media berlaku di selatan wilayah Champasack, Laos, Selasa lepas.

Melalui perbincangan ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Laos hari ini, pihak berkuasa Laos mengesahkan bahawa tiada kes disahkan positif anthrax melalui ujian makmal pada manusia mahupun haiwan, menurut kenyataan itu.

Sebagai langkah berjaga-jaga, DVS memaklumkan pihaknya sentiasa menjalankan aktiviti kawalan dan pencegahan demi memastikan negara sentiasa bebas daripada anthrax.

Antara langkah pencegahan diambil adalah memaklumkan pihak berkuasa veterinar Thailand terhadap kebimbangan Malaysia ke atas wabak anthrax dan meminta agar pemeriksaan penyakit anthrax dikenakan ke atas semua ternakan Thailand masuk ke Malaysia.

Selain itu, DVS meneruskan aktiviti pemantauan klinikal ke atas ternakan ruminan di negara ini melalui Program Survelan Kebangsaan untuk mengesan penyakit anthrax seawal mungkin.

Garis panduan pemeriksaan penyakit anthrax turut disediakan kepada pegawai Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) di pintu-pintu masuk negara dan menyediakan risalah penyakit anthrax untuk edaran umum, menurut kenyataan itu.

DVS menasihati para penternak untuk meningkatkan tahap biosekuriti ladang terutamanya menjelang musim perayaan yang akan datang.

“Setiap ternakan baharu yang dibawa masuk ke ladang, perlu dipastikan tahap kesihatannya melalui pemeriksaan Pegawai Veterinar bertauliah dan permit pergerakan ternakan yang sah,” menurut kenyataan itu.- BULETINTV3

No Reports of Anthrax Disease In Malaysia - DVS

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Astro Awani | Berita Malaysia | Online | 2 April |



Anthrax disease, caused by the bacterium Bacillus anthracis, is a zoonotic illness, meaning it can infect both animals and humans and can be fatal. - Unsplash

PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services (DVS) today confirmed that currently there are no reports of anthrax disease in Malaysia, despite its prevalence elsewhere globally.

In a statement today, the DVS announced that Malaysia has remained free from anthrax disease since the last reported case to the World Organisation for Animal Health (WOAH) in 1976.

Anthrax disease, caused by the bacterium Bacillus anthracis, is a zoonotic illness, meaning it can infect both animals and humans and can be fatal.

“The disease can infect livestock and humans through direct contact with spores from the Bacillus anthracis bacteria, resulting in a high mortality rate among livestock,” the statement read.

DVS states that clinical signs of anthrax disease in livestock include sudden death, high fever, weakness, lethargy, difficulty breathing, swelling, especially in the neck, vomiting and diarrhea.

In some cases, livestock may exhibit symptoms such as bleeding from the nose, mouth, or anus. Farmers are urged to promptly report any such signs to the DVS.

Meanwhile, DVS emphasised the seriousness of the reported suspected anthrax outbreak in Champasack Province, Lao PDR, on March 26.

“During discussions in the ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR on April 2, Lao PDR authorities confirmed no positive anthrax cases from laboratory tests on humans or animals,” read the statement.

As a precaution, DVS maintains continuous control and prevention efforts to keep the country anthrax-free.

Preventive measures include informing Thai veterinary authorities about Malaysia's concern regarding the anthrax outbreak and requesting anthrax checks on all livestock imported from Thailand.

In addition, DVS continues clinical monitoring of ruminant livestock nationwide through the National Surveillance Programme to detect anthrax early.

Guidelines for anthrax examination are provided to Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) officers at entry points and anthrax brochures are distributed to the public.

DVS advises farmers to enhance farm biosecurity, especially before the upcoming festive season.

"New livestock brought onto the farm must undergo health checks by certified veterinary officers and have valid livestock movement permits," it added.-BERNAMA

# Veterinary Services: No Reports Of Anthrax Disease In Malaysia

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| NewStraitsTimes | Nation | Online | 2 April |



The Department of Veterinary Services today confirmed that currently there are no reports of anthrax disease in Malaysia, despite its prevalence elsewhere globally. - Pic from Freepik

PUTRAJAYA: The Department of Veterinary Services today confirmed that currently there are no reports of anthrax disease in Malaysia, despite its prevalence elsewhere globally.

In a statement today, the department announced that Malaysia has remained free from anthrax disease since the last reported case to the World Organisation for Animal Health (WOAH) in 1976.

Anthrax disease, caused by the bacterium Bacillus anthracis, is a zoonotic illness, meaning it can infect both animals and humans and can be fatal.

"The disease can infect livestock and humans through direct contact with spores from the Bacillus anthracis bacteria, resulting in a high mortality rate among livestock," the statement read.

The department states that clinical signs of anthrax disease in livestock include sudden death, high fever, weakness, lethargy, difficulty breathing, swelling, especially in the neck, vomiting and diarrhea.

In some cases, livestock may exhibit symptoms such as bleeding from the nose, mouth, or anus.

Farmers are urged to promptly report any such signs to the department.

Meanwhile, the department emphasised the seriousness of the reported suspected anthrax outbreak in Champasack Province, Lao PDR, on March 26.

"During discussions in the ASEAN EOC Network VC: Anthrax Outbreak in Lao PDR on April 2, Lao PDR authorities confirmed no positive anthrax cases from laboratory tests on humans or animals," read the statement.

"As a precaution, the department maintains continuous control and prevention efforts to keep the country anthrax-free."

Preventive measures include informing Thai veterinary authorities about Malaysia's concern regarding the anthrax outbreak and requesting anthrax checks on all livestock imported from Thailand.

In addition, the department continues clinical monitoring of ruminant livestock nationwide through the National Surveillance Programme to detect anthrax early.

Guidelines for anthrax examination are provided to Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (MAQIS) officers at entry points and anthrax brochures are distributed to the public.

The department also advises farmers to enhance farm biosecurity, especially before the upcoming festive season.

"New livestock brought onto the farm must undergo health checks by certified veterinary officers and have valid livestock movement permits," it added. – NEWSTRAITSTIMES

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR